

Umno akan edar VCD ucapan terakhir Presiden

BH 24/6/03

KUALA LUMPUR: Ucapan dasar dan pengulangan terakhir Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno pada Perhimpunan Agung parti itu yang berakhir Sabtu lalu, akan didokumenkan dalam bentuk cakera padat video (VCD) untuk diedar kepada semua bahagian parti.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, berkata ini bagi membolehkan segala pesanan, nasihat dan amanat Presiden Umno itu dapat diselami serta dipatuhi hingga ke akar umbi.

"Ibu pejabat Umno dalam proses pembinaan VCD itu. Kita tidak mahu pembangkang memutarbelitkan ucapan itu nanti dan kita masih menunggu sama ada kegiatan ini sudah berlaku atau tidak.

"Jika pembangkang mula memutarbelitkan ucapan Presiden itu, kita akan perbetulkan dan sebab itu kita akan edarkan VCD ini ke semua bahagian," katanya ketika dihubungi semalam.

Di Langkawi kelmarin, Dr Mahathir yakin Pas akan memutarbelitkan ucapan pengulangannya di akhir Perhimpunan Agung Umno Sabtu lalu bagi kepentingan politik parti pembangkang itu.

"Pas memang ahli dalam putar belit. Saya kata pemimpin parti itu telah menghina Nabi, mereka pula berkata yang saya sebenarnya yang menghina Nabi," kata Perdana Menteri selepas mengakhiri lawatan peribadi dengan meninjau beberapa projek pembangunan di pulau itu.

Dalam ucapan penutupannya itu, yang terakhir bagi beliau selaku Presiden Umno, Dr Mahathir berkata antara lain Pas bukan parti Islam tetapi memperalatkan agama demi kepentingan politiknya.

Menjawab soalan, Megat Junid berkata, Umno belum bercadang mengadakan perhimpunan khas untuk dihacliri Dr Mahathir sebelum bersara secara rasmi Oktober nanti.